KEMENTERIAN PENDIDIKAN
LEMBAGA PEPERIKSAAN

# KUPASAN
# MUTU JAWAPAN

## Sijil Pelajaran Malaysia 2024



**Bahasa Melayu Kertas 1**
**1103/1**

## 1.0 INSTRUMEN PENTAKSIRAN

| | | |
|---|---|---|
| Kod Mata Pelajaran | : | 1103/1 |
| Bentuk Ujian | : | Ujian Subjektif |
| Markah Penuh | : | 100 Markah |
| Masa | : | 2 Jam |

### 1.1 REKA BENTUK INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Kertas 1 mengandungi 2 bahagian, iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**.

| | | |
|---|---|---|
| **Bahagian A** | : | Mengandungi 1 soalan (30 markah).<br>Soalan wajib dijawab. |
| **Bahagian B** | : | Mengandungi 4 soalan pilihan (70 markah).<br>Calon perlu menjawab 1 soalan sahaja. |

## 2.0 PRESTASI CALON

### 2.1 PRESTASI CALON BAHAGIAN A

#### 2.1.1 Prestasi Keseluruhan

Pada keseluruhannya, calon memahami tugasan soalan dengan tepat dan dapat menghuraikan idea dengan jelas. Bagi calon cemerlang, kematangan dalam menyampaikan idea terserlah dengan huraian jelas dan contoh yang sesuai. Calon juga dapat membuktikan kemampuan mereka menguasai hukum tatabahasa bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, masih terdapat segelintir calon yang gagal menguasai kemahiran menulis dan tidak dapat menyampaikan idea dengan baik dan berkesan.

#### 2.1.2 PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON

**Kumpulan Prestasi Tinggi**

Karangan calon menepati tema soalan. Idea dihuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai. Bahasa calon pula gramatis dari aspek kata dan ayat, kosa kata luas serta tepat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Wacananya lengkap dan unsur bahasa yang digunakan bervariasi. Calon turut menggunakan ungkapan menarik.

**Kumpulan Prestasi Sederhana**

Jawapan calon masih menepati tugasan berdasarkan bahan rangsangan yang diberi. Idea calon masih relevan. Huraian idea masih jelas. Calon menggunakan bahasa yang masih gramatis dari aspek kosa kata dan ayat. Selain itu, penggunaan kosa kata umum dan terhad. Wacananya masih lengkap dan unsur bahasa masih bervariasi.

## 2.2 KUPASAN JAWAPAN BAHAGIAN A

Grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan dengan pengangkutan awam di Malaysia.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **usaha-usaha untuk menggalakkan masyarakat menggunakan pengangkutan awam.**

Panjang huraian anda hendaklah antara **150 hingga 200 patah perkataan.**




Calon dikehendaki menghuraikan **usaha-usaha untuk menggalakkan masyarakat menggunakan pengangkutan awam, iaitu:**

- membuat promosi / memberikan diskaun
- mengadakan kempen

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

Pengangkutan awam merupakan kenderaan umum yang disediakan oleh pihak kerajaan kepada masyarakat. Oleh itu, masyarakat seharusnya memanfaatkan sepenuhnya perkara ini. Pada era kemodenan ini, pengangkutan awam sering kali dijadikan pilihan ~~kedua, kerana Hal~~ kedua oleh masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka berpendapat menaiki ~~p~~ kenderaan persendirian lebih cepat walhal terdapat banyak manfaat menaiki pengangkutan awam. Persoalannya, apatah usaha-usaha untuk menggalakkan masyarakat menggunakan pengangkutan awam?

Usaha-usaha untuk menggalakkan masyarakat ~~menggunkan~~ menggunakan pengangkutan awam ialah pihak kerajaan ~~boleh~~ sewajarnya menawarkan diskaun berganda kepada ~~pengguna~~ masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana ~~pelancong~~ masyarakat akan tertarik untuk melancong atau berjalan-jalan menggunakan pengangkutan awan seperti kapal terbang, feri dan MRT. Kesannya, masyarakat dapat menambah pengalaman bak peribahasa jauh perjalanan, luas pemandangan. Tegasnya, pihak kerajaan sewajarnya menawarkan diskaun berganda untuk menggalakkan masyarakat menggunakan pengangkutan awam.

Akhir sekali, pihak kerajaan seharusnya menganjurkan kempen menggunakan pengangkutan awam. Hal ini dikatakan demikian supaya masyarakat sedar tentang kelebihan menggunakan pengangkutan awam. ~~Kesannya~~, Contohnya, melalui kempen 'Jom, Guna Pengangkutan Awam!'. Kesannya, masyarakat akan menggunakan pengangkutan awan walaupun untuk ke tempat kerja. Usaha ini ibarat serampang dua mata kerana dapat meningkatkan ekonomi negara. Jelaslah bahawa pihak kerajaan seharusnya menganjurkan kempen menggunakan pengangkutan awam.

Kesimpulannya, pengangkutan awam merupakan salah satu alternatif untuk melestarikan alam sekitar. Oleh itu, masyarakat seharusnya menerapkan amalan menggunakan pengangkutan awom dalam kehidupan seharian. Sehubungan dengan itu, semua pihak hendaklah bergonding bahu untuk menggalakkan lebih ramai menggunakan pengangkutan awam demi kepentingan sejagat.

(191 patah perkataan)

Pada bahagian **pengenalan,** calon dapat memahami tugasan tentang usaha-usaha untuk menggalakkan masyarakat menggunakan pengangkutan awam.

Pada bahagian **huraian idea**, kedua-dua idea dihuraikan, iaitu **membuat promosi dan mengadakan kempen** adalah jelas serta matang disertakan dengan contoh yang sesuai. Calon dapat menghuraikan maklumat yang diberikan dalam soalan seperti jenis-jenis pengangkutan awam, membuat promosi atau memberikan diskaun dan mengadakan kempen. Ketiga-tiga idea tersebut dapat dihuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai.

Calon menggunakan pelbagai jenis ayat yang gramatis. Terdapat penggunaan pelbagai kosa kata dan ungkapan yang **luas** serta **tepat**, contohnya *ibarat serampang dua mata, jauh perjalanan luas pemandangan, melestarikan alam sekitar, berganding bahu dan kepentingan sejagat*. Selain itu, bahasa yang digunakan oleh calon juga **bervariasi**. Laras yang digunakan sesuai dengan tugasan.

Pada bahagian **penutup**, calon berupaya menulis kesimpulan yang mantap dengan menyatakan usaha-usaha untuk menggalakkan masyarakat menggunakan pengangkutan awam.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana**

Pada masa ini, pengangkutan awam merupakan satu topik yang sering dibincangkan di negara kita. Pengangkutan awam merupakan pengangkutan yang digunakan oleh masyarakat secara beramai-ramai dalam satu pengangkutan. Oleh itu, persoalan tentang usaha-usaha untuk menggalakkan masyarokat menggunakan pengangkutan awam akan dikupas dan dibincangkan untuk kepentingan semua pihak.

Antara usaha untuk menggalakkan masyarakat menggunakan pengangkutan awam ialah pihak pengurusan pengangkutan awam ~~boleh~~ membuat ~~promosi~~ diskaun berganda. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat kurang menggunakan pengangkutan awam disebabkan oleh harga yang mahal. Sebagai contoh, pihak pengurusan pengangkutan boleh memberi diskaun sebanyak 70% dari Gemas ke Butterworth. Kesannya, pengangkutan awam dapat mengurangkan pencemaran udara dan alam sekitar. Jelaslah bahawa, pihak pengurusan pengangkutan awam membuat ~~promosi~~ diskaun berganda merupakan usaha untuk menggalakkan masyarakat menggunakan pengangkutan awam.

Seterusnya, usaha untuk menggalakkan masyarakat
menggunakan pengangkutan awam ialah pihak kerajaan
boleh mengadakan kempen jom, guna pengangkutan awam!.
Hal ini dikatakan demikian kerana, pihak kerajaan dapat
menarik perhatian dan minat masyarakat untuk menggunakan
pengangkutan awam. Sebagai contoh, pengangkutan awam
seperti kereta api, bas, kapal terbang dan banyak lagi.
Kesannya, pengangkutan awam dapat mengurangkan kesesakan
jalan raya serta kadar kemalangan semakin menurun.
Jelaslah bahawa, pihak kerajaan boleh mengadakan kempen
jom, guna pengangkutan awam! merupakan usaha untuk
menggalakkan masyarakat menggunakan pengangkutan awam
seperti kata peribahasa, biar lambat asalkan selamat

Kesimpulannya, sudah terang lagi bersuluh bahawa terdapat
banyak usaha untuk menggalakkan masyarakat menggunakan
pengangkutan awam. Oleh itu, kita perlulah bekerjasama dan
berganding bahu agar perkara ini mendapat perhatian masyarakat.
Diharapkan negara kita dapat membentuk modal insan yang
cemerlang.

(202 patah perkataan)

Pada bahagian **pengenalan**, calon kumpulan sederhana masih dapat menghuraikan usaha-usaha untuk menggalakkan masyarakat menggunakan pengangkutan awam.

Pada bahagian **huraian idea**, calon masih menjawab tugasan mengikut kehendak soalan, iaitu usaha-usaha untuk menggalakkan masyarakat menggunakan pengangkutan awam. Idea yang dikemukakan masih relevan, huraian juga masih jelas dan contoh yang diberikan masih sesuai. Contohnya, "Kesannya, pengangkutan awam dapat mengurangkan pencemaran udara dan alam sekitar."

Calon menggunakan pelbagai ayat yang masih gramatis tetapi terdapat kesalahan minimum. Selain itu, penggunaan kosa kata calon juga umum. Terdapat kesalahan bahasa yang minimum seperti "*Pengangkutan awam merupakan pengangkutan yang digunakan oleh masyarakat dalam satu pengangkutan* dan *jelaslah bahawa, pihak kerajaan boleh mengadakan kempen Jom Guna Pengangkutan Awam untuk menggalakkan masyarakat menggunakan pengangkutan awam."* Pengolahan calon juga masih menarik dan pemerengganan masih sesuai.

Pada bahagian **penutup**, calon masih berupaya menulis kesimpulan dengan menyatakan bahawa setiap pihak menunjukkan usaha-usaha untuk menggalakkan masyarakat menggunakan pengangkutan awam.

## 2.3 CADANGAN/SYOR BAHAGIAN A

### 2.3.1 Calon

a) Menguasai semua kemahiran dan tema dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). Buku teks Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 mestilah menjadi rujukan utama calon.
b) Membaca bahan seperti majalah, akhbar, jurnal dan karya sastera seperti novel serta cerpen untuk menambahkan pengetahuan, mematangkan fikiran, mengikuti perkembangan semasa dan memantapkan penguasaan bahasa.
c) Membuat latihan menulis karangan dalam pelbagai format agar dapat menguasai semua format karangan dan menyampaikan idea dengan bahasa yang gramatis, pengolahan yang menarik serta laras bahasa yang betul.
d) Menguasai kemahiran menganalisis bahan/tugasan. Calon perlu meneliti dan memahami semua kata tugas sebelum memilih soalan yang hendak dijawab.
e) Menyenaraikan isi ringkas atau menyediakan rangka jawapan sebelum menjawab sesuatu soalan. Rangka jawapan dapat membantu calon menepati peruntukan masa.

### 2.3.2 Guru

a) Menguasai kemahiran dan tema dalam DSKP. Buku teks Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 mestilah menjadi rujukan utama guru.
b) Merancang pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi menyelesaikan sukatan mata pelajaran supaya ulang kaji dan latih tubi dapat dilaksanakan dengan berkesan.
c) Memantapkan asas penulisan karangan murid pada peringkat menengah rendah agar mereka memahami cara merangka karangan, format menulis karangan dan mengembangkan isi dengan lebih berkesan.
d) Membincangkan pelbagai isu semasa dengan murid semasa PdP agar mereka dapat mengemukakan isi-isi yang matang, pemikiran kritis dan idea yang analitik dalam karangan.
e) Memberikan penekanan dan membudayakan aspek koheren dan kohesi dalam isi karangan.
f) Merujuk kepada Kupasan Mutu Jawapan SPM untuk membimbing murid.

## 2.4 PRESTASI CALON BAHAGIAN B

### 2.4.1 Prestasi Keseluruhan

Sebahagian besar calon dapat menjawab tugasan dengan baik. Mereka dapat menyampaikan, menghuraikan dan mengolah idea dengan jelas. Calon juga berjaya membuktikan kemampuan dan kebolehan menghasilkan karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan. Calon juga dapat mengemukakan contoh yang relevan. Hal ini menunjukkan bahawa calon mempunyai pengetahuan yang luas berkaitan dengan tugasan soalan.

### 2.4.2 PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON

**Kumpulan Prestasi Tinggi**

Calon berjaya menjawab tugasan mengikut kehendak soalan. Calon mampu menghuraikan idea dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai. Calon menggunakan pelbagai jenis ayat yang gramatis dan kosa kata yang luas serta tepat. Gaya bahasa yang digunakan juga menarik daripada aspek keindahan bahasa, di samping penggunaan ungkapan yang relevan untuk mengukuhkan huraian idea. Penggunaan unsur bahasa bervariasi manakala laras bahasa sesuai dengan tugasan. Penggunaan tanda baca tepat dan sesuai serta kesalahan bahasa minimum. Pengolahan sangat menarik dan berkesan. Pemerenggananan karangan juga sesuai.

**Kumpulan Prestasi Sederhana**

Calon masih menjawab tugasan mengikut kehendak soalan. Calon masih mampu menghuraikan idea dengan jelas disertakan dengan contoh yang masih sesuai. Calon menggunakan ayat yang masih gramatis dan kosa kata umum. Gaya bahasa yang digunakan daripada aspek keindahan bahasa masih menarik, di samping penggunaan ungkapan masih berkesan. Laras bahasa yang digunakan masih sesuai dengan kehendak tugasan. Penggunaan tanda baca masih tepat dan sesuai serta kesalahan bahasa minimum. Pengolahan masih menarik sementara pemerenggganan masih sesuai.

## 2.5 KUPASAN JAWAPAN BAHAGIAN B

### Soalan 1

*Tulis sebuah karangan yang panjangnya* **antara 350 hingga 500 patah perkataan**.

1

> Pembelajaran digital merupakan satu alternatif untuk menyediakan sumber pembelajaran yang mudah dan dapat diakses oleh semua orang. Pembelajaran ini bertumpu pada penggunaan teknologi seperti telefon bimbit dan penyediaan bahan secara digital. Namun begitu, terdapat cabaran untuk melaksanakan pembelajaran digital iaitu capaian Internet yang lemah.
>
> Sumber: *Dewan Siswa*, Bil. 07/2022

Huraikan cabaran yang terdapat dalam petikan di atas berserta cabaran-cabaran lain untuk melaksanakan pembelajaran tersebut.

Calon dikehendaki **menghuraikan cabaran yang terdapat dalam petikan di atas berserta cabaran-cabaran lain untuk melaksanakan pembelajaran digital,** iaitu capaian Internet yang lemah serta isi-isi luar yang lain.

## Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Dalam meniti arus kemodenan ini, pembelajaran digital seperti pembelajaran dalam talian merupakan salah satu alternatif untuk menyediakan sumber pembelajaran yang mudah dan dapat diakses oleh semua orang. Yang Berhormat Puan Fadhlina Sidek yang merupakan Menteri Pendidikan Malaysia yang ke-22 pernah berkata ketika ditemu ramah oleh seorang wartawan Berita Harian, pembelajaran digital wajar diketengahkan demi mendukung hasrat mulia negara iaitu dalam mengorak langkah ke arah Transformasi Negara ~~(TN~~ 2050 (TN50) yang diperkenalkan oleh Datuk Seri Najib Tun Razak pada 2017 lalu. Persoalannya, apakah cabaran-cabaran dalam melaksanakan pembelajaran digital?

Antara cabaran utama dalam melaksanakan pembelajaran digital adalah murid-murid atau guru-guru yang tinggal di kawasan pendalaman sukar untuk mendapatkan capaian internet yang tinggi. Hal ini akan menyebabkan golongan seperti ini ~~akan~~ tidak dapat menyertai sesi pembelajaran bersama-sama dengan ~~rakan mereka~~ murid-murid yang lain. Bukan itu sahaja, ~~masyarakat~~ pelajar yang sukar untuk mendapatkan capaian internet ini juga akan ketinggalan dalam pembelajaran. Kesannya, pada masa akan datang Malaysia ~~gagal~~ akan gagal untuk melahirkan lebih ramai golongan cendekiawan yang merupakan anak watan daripada negara tanah air kita sendiri. Intihannya, jelaslah bahawa kekurangan capaian internet merupakan antara salah satu cabaran yang signikan untuk ditangani khususnya oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan secepat mungkin.

Marilah kita teruskan skop perbincangan dengan cabaran yang kedua iaitu ~~kekurangan pan~~ kurangnya pantauan oleh ibu bapa. Hal ini dikatakan demikian kerana selalunya pembelajaran digital hanya dilakukan diluar kawasan sekolah terutamanya ketika cuti sekolah ataupun ~~seperti~~ ketika dunia dilanda wabak penyakit seperti ~~pada tahun 2020~~ Covid-19 pada tahun 2020 dan 2021. Dan demi mencari rezeki ibu bapa hanya sibuk bekerja dan kadang kala tidak memantau aktiviti anak-anak mereka. Hal ini akan menyebabkan anak-anak lebih memilih untuk melakukan aktiviti yang tidak berfaedah berbanding menyertai sesi pembelajaran. Kesannya, ~~golongan ini~~ golongan seperti golongan alfa ~~akan~~ tidak akan dapat melanjutkan pelajaran ke menara gading dan akhirnya kadar kemiskinan dan pengangguran dalam kalangan warga tempatan akan meningkat. Oleh itu, sudah terang lagi bersuluh pantauan ibu bapa adalah penting dalam melaksanakan pembelajaran digital secara efektif. ~~Seperti kata orang bijak pandai, melentur buluh biarlah dari rebungnya~~.

Di samping itu, antara cabaran lain yang turut menjadi penghalang dalam perlaksanaan ini adalah murid-murid mudah diganggu dengan aplikasi media sosial seperti TikTok serta permainan video seperti Mobile Legends Bang Bang (MLBB). Hal ini dikatakan demikian kerana, secara lazimnya pembelajaran digital bertumpu pada penggunaan telefon pintar dan komputer riba yang membolehkan pelajar mengakses aplikasi lain secara mudah ketika sesi pembelajaran dijalankan. Kesannya, konsentrasi pelajar akan terganggu dan menyebabkan mereka hilang fokus ketika kelas. Secara tidak langsung akan menjejaskan keputusan peperiksaan mereka terutamanya dalam peperiksaan yang amat signifikan iaitu Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Oleh itu, sudah terang lagi bersuluh, cabaran-cabaran ini wajar ditangani dengan segera kerana ~~s~~ ~~peribahasa~~ pepatah Melayu pernah mengatakan bahawa ilmu itu pelita hidup. ~~kesim~~

Kesimpulannya, masalah ini wajar diberi perhatian supaya Malaysia dapat melahirkan masyarakat Madani yang berilmu tinggi dan duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan negara lain yang banyak melahirkan golongan berintelektual dan ~~berkompetesi~~ berkompetensi seperti Amerika Syarikat ~~, Jepun dan~~ dan Jepun.

Pada bahagian **pengenalan**, calon dapat memahami tugasan soalan, iaitu cabaran untuk melaksanakan pembelajaran digital.

Pada bahagian **huraian idea**, calon berjaya menjawab tugasan mengikut kehendak soalan, iaitu cabaran yang terdapat dalam petikan berserta cabaran lain untuk melaksanakan pembelajaran digital seperti capaian Internet yang lemah serta isi-isi luar yang lain.

Calon menggunakan pelbagai jenis ayat yang gramatis. Contohnya, *"Dalam meniti arus kemodenan ini, pembelajaran digital seperti pembelajaran dalam talian merupakan salah satu alternatif untuk menyediakan sumber pembelajaran yang mudah dan dapat diakses oleh semua orang."*

Calon menunjukkan kecekapan yang baik dalam penggunaan kosa kata yang luas dan tepat. Gaya bahasa yang digunakan menarik serta menonjolkan keindahan bahasa melalui penggunaan ungkapan yang sesuai, contohnya *"demi mendukung hasrat belia negara dan anak watan."* Calon turut menggunakan peribahasa dengan tepat seperti *sudah terang lagi bersuluh*, *menara gading*, *ilmu pelita hidup* dan *duduk sama rendah, berdiri sama tinggi.* Unsur bahasa yang digunakan pelbagai, manakala laras bahasa sesuai dengan tugasan yang diberikan. Penggunaan tanda baca juga tepat dan membantu memperjelas maksud ayat.

Pengolahan calon juga sangat menarik dan berkesan. Calon menggunakan pemerengganan yang seimbang dan lengkap dengan perenggan pengenalan, perenggan idea dan perenggan penutup.

Pada bahagian **penutup**, calon berupaya menulis kesimpulan yang mantap dengan memberikan pelbagai cabaran dalam melaksanakan pembelajaran digital.

.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana**

Pembelajaran digital merupakan satu alternatif yang dicipta bagi memudahkan ~~sese~~ orang ramai mencari sumber maklumat daripada internet. ~~Pada zaman kini pem~~ Setelah kemunculan Pandemik Covid-19, pembelajaran digital telah diterapkan pada pelajar belajar secara di rumah dan secara maya melalui Google Meet dan You Tube. ~~Oleh itu, terdapat pelbagai cabaran yang wujud~~ Oleh itu, pihak kerajaan telah ~~bersepakak~~ bersepakat ~~seperti~~ untuk mewujudkan pembelajaran secara kreatif bagi ~~mewu~~ melahirkan anak muda yang bijak pandai seperti ~~bulat~~ kata pepatah melayu "~~bulat pembentung kerana~~ "bulat air kerana pembentung, bulat suara kerana muafakat". Sebagai persoalannya disini, apakah cabaran-cabaran untuk melaksanakan pembelajaran tersebut? ~~Terdapat pelbagai cabaran~~

Terdapat pelbagai cabaran yang wujud untuk melaksanakan pembelajaran digital. Antaranya ialah capaian internet yang lemah. ~~Sesetah~~ Sesetengah orang tidak tahu akan isu semasa adalah disebabkan capaian internet yang agak lemah disebuah kawasan tersebut. ~~Kawa~~ ~~Penduduk k~~

Kebanyakannya capaian internet hanya boleh ~~dicat~~ dicapai di kawasan yang lebih terbuka seperti kawasan bandar. Oleh itu, penduduk mahupun pelajar yang tinggal di kawasan pedalaman dan kawasan kampung yang dikelilingi hutan tidak dapat mengakses internet dengan mudah. Hal ini akan menyebabkan penduduk yang tinggal di kawasan tersebut terpaksa berpindah ke ~~k~~ bandar supaya dapat ~~m~~ meneruskan pembelajaran digital demi menuntut ilmu baharu.

Selain itu, cabaran untuk membayar kos untuk membeli ~~intek~~ dan melanggan internet setiap bulan. ~~Ibu bapa per~~ Kita perlu berusaha untuk mencari sumber ~~ke~~ kewangan ~~bagi~~ ~~menampung~~ untuk menyara hidup keluarga dan salah satu~~nya~~ daripadanya juga internet. Tamsilnya, ibu bapa perlu ~~bekerja keras~~ ~~menanggung~~ bekerja keras untuk menanggung kos sara hidup dan membeli ~~unt~~ internet setiap bulan untuk pembelajaran anak-anak. Hal ini dikatakan demikian kerana, anak-anak akan belajar lebih bersungguh-sungguh dengan adanya sumber pembelajaran baharu

walaupun secara maya.

Seterusnya, cabaran pelajar untuk mencari maklumat berkaitan pelajaran ~~mendapat~~ didapati tidak mengakses sepenuhnya. Hal ini dimaksudkan kemudahan internet ~~x~~ telah digodam dan ~~menge~~ mengeluarkan unsur-unsur negatif terhadap sesuatu perkara tersebut. ~~x~~ Oleh itu, pelajar sudah kurang berminat untuk menggunakan internet dengan sebaiknya dan tiada usaha untuk menuju kejayaan seperti melepaskan batuk di tangga iaitu kemudahan yang sudah disediakan hanyalah sia-sia sahaja. Jadinya, ~~ibu~~ ~~x~~ ibu bapa juga haruslah ~~be~~ memainkan peranan penting mengawasi anak-anak dalam penggunaan internet.

(399 patah)

Pada bahagian **pengenalan**, calon kumpulan sederhana masih dapat menghuraikan cabaran yang terdapat dalam petikan berserta cabaran lain untuk melaksanakan pembelajaran digital.

Pada bahagian **huraian idea**, calon masih menjawab tugasan mengikut kehendak soalan, iaitu menghuraikan cabaran yang terdapat dalam petikan berserta cabaran lain untuk melaksanakan pembelajaran digital. Idea yang dikemukakan masih relevan, huraian juga masih jelas dan contoh yang diberikan masih sesuai. Contohnya, "*hal ini akan menyebabkan penduduk yang tinggal di kawasan tersebut terpaksa berpindah ke bandar supaya dapat meneruskan pembelajaran digital demi menuntut ilmu yang baharu.*"

Calon menggunakan pelbagai jenis ayat yang gramatis dengan kesalahan bahasa yang minimum. Penggunaan kosa kata adalah pada tahap umum namun masih dapat menyampaikan makna dengan jelas. Terdapat kesalahan kecil dalam penggunaan bahasa, contohnya dalam ayat *"Pihak kerajaan telah bersepakat (komited) untuk mewujudkan pembelajaran secara kreatif bagi melahirkan anak muda yang bijak pandai."* Walau bagaimanapun, pengolahan idea calon masih menarik dan pemerengganan yang digunakan adalah sesuai serta tersusun.

Pada bahagian **penutup**, calon masih berupaya menulis kesimpulan dengan menyatakan cabaran dalam petikan dan cabaran-cabaran lain untuk melaksanakan pembelajaran digital.

**Soalan 2**

2

KUALA LUMPUR: Majlis Paralimpik Malaysia (MPM) menyasarkan untuk melahirkan sekurang-kurangnya 1000 atlet paralimpik yang baharu pada hujung tahun 2021 menerusi Program Pengenalpastian Bakat Sukan Orang Kurang Upaya (OKU). Presidennya Dato' Sri Megat D. Shahriman bin Dato' Zaharudin berkata, MPM giat mencari atlet pelapis berkelas dunia seperti Muhammad Ziyad Zolkefli dan Mohamad Ridzuan Mohamad Puzi agar Malaysia tidak ketandusan atlet paralimpik yang berbakat.

Sumber: www.astroawani.com

Selain usaha yang dinyatakan dalam petikan di atas, huraikan usaha-usaha untuk melahirkan lebih ramai atlet dalam sukan tersebut.

Calon dikehendaki **menghuraikan usaha-usaha untuk melahirkan lebih ramai atlet dalam sukan paralimpik** kecuali usaha yang telah dinyatakan dalam petikan.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

Apabila berbicara tentang atlet dalam sukan, Ibnu Abbas pernah menyampaikan berita kepada Abu Miqdad bahawa beliau ~~t~~ pernah mendengar Nabi SAW bersabda, "Apabila kamu berfikir sesaat maka itu adalah lebih utama daripada kamu beribadat selama 70 tahun". Mahfum daripada sabda Nabi SAW ini dapat dikaitkan dengan falsafah untuk mencari pelapis berkelas dunia bagi Sukan Orang Kurang Upaya (OKU) dapat menjadikan negara dipandang tinggi kerana warga OKU tidak ditindas, malah menjadikan mereka setaraf dengan rakyat yang sempurna segala pacaindranya seperti duduk sama rendah, berdiri sama tinggi. Maka, usaha yang konkrit, sistematik lagi pragmatik atau dikupas sehingga ke akar umbi agar isu ini boleh dijadikan teladan bagi kebaikan generasi yang akan datang. Oleh itu, ~~say~~ atas dasar kemanusiaan, saya berasa terpanggil untuk turut serta bagi perbincangan dalam usaha-usaha melahirkan lebih ramai atlet dalam ~~Sukan~~ sukan orang kurang upaya.

Meninjau dari sisi yang jarang dibincangkan, ibu bapa memainkan peran yang paling penting dalam menentukan masa depan anak-anak kerana mereka diibarat seperti sehelai kain putih dan ibu bapa yang akan mencorakkannya sama ada seindah pelangi atau semalap masa hadapan. Senario ini dapat dikaitkan dengan semangat ~~ibut~~ ibu bapa yang tidak luntur meskipun dikurniakan cahaya mata yang tergolong dalam warga ~~OKU orang~~ OKU yang menginginkan mereka mendapat ~~pendidit~~ pendidikan dan kerjaya yang ~~sama~~ adil dan saksama dengan anak-anak yang lain. Oleh itu, dengan meluangkan masa pada waktu ~~da~~ lapang bersama-sama anak syurga ini, sedikit-sebanyak mampu memberikan pendedahan kepada mereka dalam bidang sukan seperti petanque, bola sepak dan acara renang. Natijahnya, minat ~~anak anak~~ dalam bidang ini dapat dipupuk dari kecil ~~kerana ibu pe~~ kerana ibu bapa merupakan ~~peny~~ pensyarah pertama manakala rumah merupakan universiti pertama kepada anak-anak. ~~Ibu Oleh itu,~~ Maka, ibu bapa perlu menjadi contoh kepada mereka dengan mengajari mahupun menjadikan sukan seperti badminton sebagai lumrah yang dilakukan pada hujung ~~bi~~ minggu kerana ~~b~~ kemana tumpahnya kuah kalau bukan

kenasi. Oleh itu, sebagai ~~penutup wana~~ ~~wacana perbincan~~ mengakhiri diskusi ini, jelaslah bahawa dengan meluangkan masa bersama anak-anak untuk bersukan merupakan salah satu daripada usaha untuk melahirkan atlet dalam bidang sukan ini.

Menensi prespektif yang lebih mendalam, pihak sekolah boleh mengadakan ~~kempen acara~~ pertandingan sukan bagi ~~pelajar OKU. Hal ini dapat tercetus apabila murid~~ ~~murid-murid~~ murid-murid OKU. Hal ini bersangkut-paut dengan bakat yang dipendamkan oleh murid-murid OKU dalam bidang sukan. Sebagai ~~usha~~ uswahnya, Panitia Sukan Sekolah boleh menganjurkan acara lontar peluru dan ~~lari s~~ lempar cakera dengan menawarkan pelbagai hadiah yang lumayan kepada para pemenang. Hal ini dapat membantu mereka untuk menonjolkan diri dalam bidang sukan dan mampu untuk melayakkan diri mereka ~~ke tahap yang~~ ke peringkat yang lebih tinggi dengan bantuan guru-guru yang dianggap sebagai pelita hidup dan sekolah sebagai gedung ilmu ~~aga~~ agar mereka mempunyai masa hadapan yang cerah persis dengan anak-anak yang lain. Sesungguhnya, Saidina Ali RA menyatakan bahawa, "Semua manusia itu sama, yang membezakan mereka hanyalah amal dan iman". Maka, sikap rendah diri dapat dikurangkan. Oleh itu, izharlah bahawa ~~pihak sekolah~~ dengan mengadakan pertandingan sukan oleh pihak sekolah mampu dijadikan sebagai usaha yang kentut dalam melahirkan atlet dalam bidang ini.

~~Sekirant~~ Sekirannya dianalisis dengan lebih teliti, pihak kerajaan yang merupakan tulang pembangunan negara boleh menganjurkan kempen di bawah arahan ~~Penyela Belia~~ Belia Sukan Negara iaitu kempen, "Warga Orang Kurang Upaya Batasi Segalanya" untuk ~~mem mendedahkan~~ memberikan pengetahuan bahawa betapa signifinya bidang sukan kepada masa hadapan warga OKU. Sebagai ~~eviden~~ evidensinya, Belia Sukan Negara boleh menjemput atlet berkelas dunia seperti Muhammad Ziyad ~~d~~ Zolkefli dan Mohamad Ridzuan Mohamad Puzi untuk menceritakan pengalaman mereka dalam menempuh bidang sukan sehingga berjaya pada hari ini. Hal ini dapat memotivasikan warga OKU yang mempunyai bakat dan minat untuk menceburi bidang sukan tanpa ragu-ragu. ~~Kesanny tap~~ Implikasinya, pihak kerajaan dapat membuahkan hasil daripada usaha ini untuk melahirkan lebih

ramai ~~att~~ atlet ~~dalam~~ untuk mencapai sasarannya untuk melahirkan sekurang-kurangnya 1000 atlet paralimpik baharu. Sebagai penutup wacana ini, jelaslah bahawa, dengan anjuran kempen ini merupakan salah satu usahan yang efektif untuk membina masa depan negara agar tidak ketandusan ~~atlet~~ atlet paralimpik yang berbakat.

Bagi mengakhiri segala coret-coret perbincangan ini, cabaran globalisasi dalam melahirkan atlet dalam sukan ini akan terus menebarkan nuansa kepada kehidupan yang saling ~~memerlukan~~ memerlukan. Apa-apa yang berlalu ~~dibar~~ di barat pasti akan wujud di timur dan disebaliknya. ~~Ses~~ Maka, usaha yang sistematik harus wujud ~~dalam~~ dalam dekad yang mendatang. Sesungguhnya, asal manusia itu adalah satu daripada benih Adam dan Hawa. Oleh itu, semua institusi harus berganding bahu bagai ~~aur dengan~~ ~~ket~~ ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni agar matlamat untuk melahirkan seramai 1000 atlet paralimpik tercapai kerana biar putih tulang, jangan putih ~~mata~~ mata.

(509 patah perkataan)

Pada bahagian **pengenalan,** calon dapat memahami kehendak soalan berkaitan usaha-usaha untuk melahirkan lebih ramai atlet dalam sukan paralimpik.

Pada bahagian **huraian idea**, calon berjaya menjawab tugasan mengikut kehendak soalan iaitu menghuraikan usaha-usaha untuk melahirkan lebih ramai atlet dalam sukan tersebut.

Calon menggunakan pelbagai jenis ayat yang gramatis seperti "*senario ini dapat dikaitkan dengan semangat ibu bapa yang tidak luntur meskipun dikurniakan cahaya mata yang tergolong dalam warga OKU yang menginginkan mereka mendapat pendidikan dan kerjaya yang adil dan saksama dengan anak-anak yang lain."*

Kosa kata yang digunakan juga luas dan tepat. Gaya bahasa yang digunakan menarik dari aspek keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan menarik yang tepat, contohnya, "*guru-guru dianggap sebagai pelita hidup dan sekolah sebagai gedung ilmu."* Terdapat pelbagai pendapat tokoh yang telah diutarakan oleh calon seperti "*Saidina Ali mengatakan bahawa semua manusia itu sama yang membezakan hanyalah amal dan iman."*

Penggunaan unsur bahasa bervariasi manakala laras bahasa sesuai dengan tugasan. Penggunaan tanda baca juga tepat. Pengolahan calon juga sangat menarik dan berkesan. Calon menggunakan pemerenggan yang seimbang dan lengkap dengan perenggan pengenalan, perenggan idea dan perenggan penutup.

Pada bahagian **penutup,** calon berupaya menulis kesimpulan yang mantap dengan menghuraikan usaha yang terdapat dalam petikan dan usaha-usaha lain untuk melahirkan lebih ramai atlet dalam sukan paralimpik.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana**

Sukan boleh didefinisikan sebagai aktiviti ~~fizikat~~ fizikal yang mampu memberikan pelbagai faedah kepada diri seperti ~~mencergaskan mi~~ mencerdaskan minda, mencergaskan badan dan ~~ke~~ dapat meningkatkan keyakinan diri ~~sesear~~ seseorang individu. Aktiviti sukan ini boleh dilakukan oleh masyarakat pada pelbagai peringkat umur dan ~~tidak~~ semua lapisan masyarakat tanpa mengira ideologi, agama, bangsa mahupun jantina. Namun terdapat segelintir masyarakat di negara ini tidak mengambil peduli tentang kepentingan melibatkan diri dalam aktiviti sukan kerana sikap ~~me~~ mengambil mudah. ~~Bukan sed sekadar~~ Pelaksanaan sukan bukan sahaja memberikan kebaikan kepada diri, malahan ~~sukan juga~~ penyertaan dalam aktiviti sukan juga boleh meningkatkan imej negara di persada dunia. Persoalan yang berlegar-legar dalam kotak pemikiran saya sekarang ialah apakah usaha-usaha yang boleh dilakukan untuk melahirkan lebih ramai atlet dalam bidang ~~sukan~~ sukan paralimpik?

~~Usaha-usaha yang boleh dilakukan oleh ibu bapa~~

Fokus perbincangan yang perdana ialah ibu bapa haruslah memainkan peranan penting dalam memupuk semangat kesukanan dalam diri anak-anak. Hal ini dikatakan demikian kerana ibu bapa merupakan insan yang paling terdekat dengan anak-anak. Jika mereka mempunyai anak-anak ~~ko~~ Orang Kurang Upaya (OKU) mereka haruslah memupuk dan menaikkan semangat mereka untuk melibatkan diri dalam sukan seperti penglibatan dalam sukan paralimpik. Selain itu, ibu bapa juga harus mendidik anak-anak yang ~~istimewa~~

memerlukan keperluan khas ini ~~untuk untuk mengambit~~ dengan ~~menunjukkan~~ mendedahkan kejayaan-kejayaan atlet sukan paralimpik kepada anak-anak mereka sejak dari kecil lagi seperti peribahasa melentur buluh biarlah dari rebungnya. Bukan sekadar itu sahaja, malahan ibu bapa juga haruslah menjadi suri teladan kepada anak-anak mereka dengan melibatkan diri dalam aktiviti sukan. Tegaslah, ~~bahas~~ bahawa ibu bapa menggalas tanggungjawab yang utama dalam ~~mendidik ana~~ menanam semangat kesukanan dalam diri anak-anak.

Seterusnya, pihak sekolah juga memainkan peranan penting dalam melibatkan murid-murid ~~OKU~~ yang berkeperluan khas dalam aktiviti sukan. Hal ini penting kerana, ~~rumah~~ sekolah ~~mere~~ merupakan rumah kedua bagi murid kerana mereka meluangkan lebih ~~masa~~ banyak masa di sekolah. Pihak sekolah seharuslah mengadakan pelbagai aktiviti kokorikulum ~~di samping~~ daripada hanya ~~mengfokuskan memfo ne~~ mengfokuskan kepada aktiviti kurikulum. ~~Pihak sekolah haruslah mengadakan 8 aktiviti seperti~~. Pihak sekolah haruslah mewajibkan murid-murid yang keperluan khas ini untuk menyertai aktiviti-aktiviti sukan paralimpik. Seterusnya, guru-guru yang mengajar di sekolah haruslah ~~menca menjadi~~ memberikan sokongan kepada murid-murid untuk menyertai aktiviti paralimpik. Tuntasnya, sudah terang lagi bersuluh bahawa pihak sekolah ~~menjadi~~ memainkan peranan penting dalam memajukan bidang sukan paralimpik.

Di samping itu, pihak kerajaan juga seharusnya menyediakan pelbagai kemudahan dan alat-alat ~~untuk memajukan~~ bagi memudahkan golongan istimewa ini untuk melaksanakan sukan di negara kita. Hal ini dikatakan demikian kerana ~~dengan mempunyai pelbagai kemudahan~~ apabila negara kita mempunyai lebih banyak kemudahan seperti pusat untuk ~~melat~~ membuat latihan sukan paralimpik, maka lahirlah banyak atlet paralimpik di negara kita. Selain itu, pihak kerajaan juga haruslah ~~menyediakan pe ke~~ melancarkan ~~pe~~ kempen kesedaran tentang kepentingan penglibatan dalam sukan paralimpik kepada golongan sasaran. Impaknya, negara kita akan dikenali di seluruh dunia kerana mempunyai atlet-atlet paralimpik yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa.

Perbincangan kita sudah sampai ke titik nokhta yang terakhir lalu jelaslah bahawa semua pihak seperti pihak ibu bapa, pihak kerajaan dan pihak sekolah haruslah berganding bahu ~~bagai~~ bagai aur dengan tebing untuk memajukan lagi bidang sukan paralimpik di negara. Menjelang ~~wasa~~ wawasan 2025 negara kita mestilah berada ~~di~~ dalam senarai ~~di yang~~ negara yang melahirkan lebih banyak atlet-atlet paralimpik sekali gus ~~memajuka~~ dapat meningkatkan imej negara di seantero dunia.

~~4~~ (431 patah perkataan)

Pada bahagian **pengenalan**, calon kumpulan sederhana masih memahami kehendak soalan berkaitan usaha-usaha untuk melahirkan lebih ramai atlet dalam sukan paralimpik.

Pada bahagian **huraian idea**, calon masih dapat menghuraikan usaha-usaha untuk melahirkan lebih ramai atlet dalam sukan paralimpik. Idea yang dikemukakan masih relevan, huraian juga masih jelas dan contoh masih sesuai. Contohnya, *"Bukan sekadar itu sahaja, malahan ibu bapa juga haruslah menjadi suri teladan kepada anak-anak mereka dengan melibatkan diri dalam aktiviti sukan."*

Calon menggunakan pelbagai ayat yang masih gramatis tetapi terdapat kesalahan minimum. Selain itu, penggunaan kosa kata calon juga umum. Terdapat kesalahan bahasa seperti, *"mengfokuskan (memfokuskan), seperti pusat untuk membuat latihan (pusat latihan) dan Kokorikulum (kokurikulum)."* Pengolahan calon juga masih menarik dan pemerenggananan masih sesuai.

Pada bahagian **penutup**, calon masih berupaya menulis kesimpulan dengan memberi cadangan semua pihak berusaha untuk memajukan sukan paralimpik di mata dunia.

**Soalan 3**

3

| |
|---|
| Menurut Ketua Polis Pahang, Dato' Sri Rosli Ab Rahman, dalam tempoh enam bulan pertama tahun 2018, seramai 26 orang murid ditahan atas pelbagai kesalahan penyalahgunaan dadah. Antara faktor yang menyebabkan berlakunya masalah ini ialah pengaruh rakan sebaya, keinginan untuk mencuba dan kurang pengawasan daripada ibu bapa. |
| Sumber: www.bharian.com.my |

Berdasarkan petikan, huraikan faktor-faktor berlakunya masalah tersebut.

Calon dikehendaki untuk **menghuraikan faktor-faktor berlakunya masalah penyalahgunaan dadah** seperti yang terdapat dalam petikan, iaitu:

(i) pengaruh rakan
(ii) keinginan untuk mencuba
(iii) kurang pengawasan daripada ibu bapa

## Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Seorang tokoh Islam yang terkenal, Profesor Yusuf Qardhawi pernah menukilkan kata ini iaitu. Jika ingin meninjau keadaan sesebuah negara pada masa hadapan, maka lihatlah golongan remajanya pada ~~hari~~ masa ini. Hal ini dikatakan demikian kerana gologan remaja penentu kepada kemajuan negara pada masa akan datang. Jika elok remaja masa ini maka, ~~elok~~ begitu jugalah masa hadapan negara. Namun begitu, ~~remaja pad~~ pada hari ini terdapat sebilangan besar remaja yang terlibat dengan gejala-gejala ~~negi~~ negatif seperti penyalahgunaan dadah disebabkan oleh pelbagai faktor. Menurut Ketua Polis Pahang, Dato' Sri Rosli ~~Abdul~~ Ab ~~Raha~~ Rahman, dalam tempoh enam bulan pertama tahun 2018, seramai 26 orang murid ditahan atas pelbagai kesalahan penyalahgunaan dadah. Persoalannya, apakah faktor-faktor berlakunya menyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja?

Tanpa membuang masa kerana masa itu emas, marilah kita segera membincangkan faktor-faktor remaja terlibat dalam ~~penyalah~~ ~~salahlaku~~ salah laku penyalahgunaan dadah. Antaranya, pengaruh rakan sebaya yang negatif. Memang tidak dapat dinafikan bahawa pengaruh rakan sebaya merupakan salah satu faktor yang dominan remaja terlibat dalam ~~pe~~ kesalahan penyalahgunaan dadah. Hal ini dikatakan demikian kerana ~~ke~~ pengaruh rakan memberi pengaruh yang besar kepada seseorang remaja kerana remaja pada hari ini lebih banyak meluangkan masa dengan rakan-rakan mereka berbanding dengan ibu bapa mereka di ~~rumah,~~ rumah disebabkan oleh ~~pelbagai~~ tuntutan belajar khususnya pelajar-pelajar yang ditinggal di sekolah berasrama yang hanya pulang ke rumah pada hujung minggu. ~~Ta~~ Tambahan pula, rakan sebaya merupakan insan yang menjalani kehidupan yang hampir sama dengan ~~golongan masyarakat~~ ~~seseorang~~ ~~seseorang~~ seseorang remaja iaitu sebagai pelajar dan sebagai anak ~~menyebabkan~~ merupakan

bukti yang amat kukuh untuk dikatakan rakan sebaya merupakan pengaruh yang dominan kepada remaja. ~~Izharla~~ Izharlah, benarlah kata-kata orang-orang tua dahulu jika ingin melihat warna sebenar seseorang lihatlah perilaku kawannya.

Seterusnya, keinginan untuk mencuba ~~merupakah~~ merupakan salah satu faktor remaja terlibat dalam penyalahgunaan dadah. Lumrah remaja yang setahun jagung dan ~~men~~ sentiasa mempunyai keinginan untuk mencuba ~~sesu~~ sesuatu yang baharu bagi mereka. Kebiasaannya, remaja yang ingin mencuba ~~mengambil~~ menyalahgunakan dadah sudah terdedah dengan dadah sehingga menyebabkan mereka ingin mencuba. Tambahan pula remaja yang mempunyai keinginan yang kuat akan lemah untuk berfikir akan kesan sampingannya. ~~dan bertindak untuk serta kurang~~ Oleh itu, remaja seyogianya berfikir secara ~~hemah~~ berhemah sebelum melaksanakan sesuatu tindakkan yang akan mendatangkan mudarat kepada mereka.

Dari perspektif yang lain, remaja pada hari ini kurang pengawasan daripada ibu bapa yang menyumbang kepada faktor remaja terlibat dengan salah laku penyalahgunaan dadah. Kebanyakkan ibu bapa ~~terl~~ pada hari ini terlalu sibuk dengan kerjaya mereka sehingga tiada masa untuk mengawasi keadaan semasa ~~men~~ anak-anak mereka. Ibu bapa seperti ini boleh dilabelkan melupakan tanggungjawab mereka kerana anak-anak merupa tanggungjawab yang telah dikurniakan oleh ~~A~~ tuhan kepada mereka untuk dibentuk dan dijaga dengan baik. Menurut sabda ~~Nabi~~ Rasulullah, anak-anak diibaratkan sebagai sehelai kain putih ibu bapalah yang bertanggungjawab untuk mencorakkannya samaada ~~#~~ menjadi Yahudi, Nasrani atau Majusi. Hal ini jelaslah, ibu bapa merupa entiti penting ~~untuk~~ kepada anak-anak mereka. Jelaslah bahawa ibu bapa wajarlah mengawasi anak-anak mereka agar dapat mengelakkan anak-anak mereka terlibat dalam salah laku penyalahgunaan dadah.

Yang mendaki telah sampai ke puncak, yang menulis sudah melabuhkan noktah. Isu penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja merupakan isu yang ~~membim~~ serius kerana mampu merosakkan remaja yang merupakan entiti yang akan meneruskan kemajuan negara pada masa hadapan persis ~~rabna~~ sabda Rasulullah amalan yang buruk itu merosakkan amalan baik ~~persis~~ seperti cuka merosakkan madu. Oleh itu semua pihak memainkan peranan yang penting untuk merawat masalah ini sebelum menjadi barah yang kian menanah. Jangan sampai isu penyalahgunaan dadah ini kian membimbangkan barulah semua pihak ~~itu~~ menudingkan jari bertepatan dengan peribahasa sudah terperosok baru mahu membaiki lantai.

(453 patah perkataan)

Pada bahagian **pengenalan**, calon dapat memahami tugasan, iaitu faktor-faktor berlakunya masalah penyalahgunaan dadah.

Pada bahagian **huraian idea**, calon berjaya menghuraikan faktor-faktor berlakunya masalah penyalahgunaan dadah seperti yang terdapat dalam petikan, iaitu pengaruh rakan sebaya, keinginan untuk mencuba dan kurang pengawasan daripada ibu bapa.

Calon menggunakan pelbagai jenis ayat yang gramatis seperti, *"kebanyakan ibu bapa pada hari ini terlalu sibuk dengan kerjaya mereka sehingga tiada masa untuk mengawasi keadaan semasa anak-anak mereka."* Penggunaan kosa kata menarik dan tepat, contohnya, *"golongan remaja perintis kepada kemajuan negara, "masa itu emas", "merupakan insan yang menjalani kehidupan"* dan *"umrah remaja yang setahun jagung."* Penggunaan unsur bahasa bervariasi manakala laras bahasa sesuai dengan tugasan. Penggunaan tanda baca juga tepat.

Pengolahan calon juga sangat menarik dan berkesan. Calon menggunakan pemerengganan yang seimbang dan lengkap dengan perenggan pengenalan, perenggan idea serta perenggan penutup.

Pada bahagian **penutup**, calon berupaya menulis kesimpulan yang mantap dengan mencadangkan semua pihak bersama-sama mengatasi masalah penyalahgunaan dadah.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana**

Dewasa ini, ~~kita~~ kita tidak boleh menafikan bahawa masalah gejala sosial semakin berleluasa dalam kalangan ~~murid~~ murid. Menurut Ketua Polis Pahang, Dato' Sri Rosli Ab Rahman, dalam tempoh enam bulan pertama tahun 2018, seramai 26 orang murid ditahan atas pelbagai kesalahan penyalahgunaan dadah. Hal ini amat membimbangkan semua pihak kerana golongan ini merupakan golongan penapis negara. Sekiranya isu ini tidak dibendung, masa hadapan negara akan ~~kelihat~~ kelihatan gelap. ~~0~~ Terdapat pelbagai punca yang menyebabkan isu ini berlaku. Persoalannya, apakah faktor berlakunya masalah ini?

Punca primer yang menyebabkan murid-murid terlibat dalam penyalahgunaan dadah ialah pengaruh rakan sebaya. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka lebih banyak berinteraksi dengan rakan sebaya di sekolah. Mereka akan berasa ~~ingin~~ takut disisihkan oleh rakan-rakan mereka. Keinginan untuk membuktikan bahawa mereka ~~se~~ merupakan seseorang yang berani mengatasi keupayaan mereka untuk berfikir secara rasional. Tuntasnya, rakan sebaya ~~akan menunjuk~~ yang ~~berpengaruh~~ merupakan pengaruh yang buruk akan mengejek individu-individu yang enggan mengambil dadah seperti ganja atau menyalahgunakan ubat seperti ubat batuk. Jelaslah bahawa tekanan sosial ini ~~mendo~~ mampu mendorong murid-murid untuk terlibat dalam ~~aktiviti yang~~ gejala ~~sosial~~ sosial terutamanya mereka yang ingin ~~berada dalam~~ mempunyai rakan.

Dari sudut pandangan yang berbeza pula, ~~Selain itu~~, keinginan untuk mencuba juga merupakan ~~faktor~~ sebab murid-murid menyalahgunakan dadah. Murid-murid merupakan ~~kanak-kanak yang berusia 17~~ golongan yang berusia 17 tahun ke bawah. Dengan ini, kita tahu bahawa mereka akan lebih cenderung untuk mengikut nafsu kerana golongan ini masih sukar untuk membezakan antara yang buruk dan yang baik dan batil. Sebagai contoh, golongan ini akan melihat para pempengaruh di media sosial seperti Tiktok, Instagram dan X

yang mengagungkan budaya hedonisme lalu ~~ingin~~ meniru tingkah laku ~~mereka~~ mereka kerana berfikiran bahawa mereka juga akan menjadi popular. Sudah terang lagi bersuluh bahawa murid-murid yang tidak dapat mengawal nafsu mereka akan ~~terdatam dalam~~ melakukan aktiviti yang merosakkan diri mereka.

Akhir sekali, kita tidak boleh melupakan juga ibu bapa yang kurang mengawasi anak-anak mereka. Realitinya, ibu bapa kurang meluangkan masa bersama anak-anak pada zaman ini kerana terlalu sibuk mencari nafkah demi ~~kese~~ keluarga. Peningkatan harga barang menyebabkan ibu bapa bekerja sehingga lewat malam. Walau bagaimanapun, majoriti daripada anak-anak ~~ini~~ tidak memahami situasi ini dan ~~mempunyai fikiran~~ beranggapan ibu bapa mereka tidak menyayangi mereka. Hal ini akan menyebabkan golongan ini untuk berpandangi kepada dadah supaya dapat melupakan kesakitan ~~emosi~~ emosi mereka. Sebagai gambaran, ibu bapa yang jarang berada di rumah tidak ~~sedar u anak-anak mereka mengambil dadah~~ peka akan kesihatan mental anak-anak mereka. ~~Izharlah, ibu bapa~~ Oleh itu, ibu bapa seharusnya ~~memberi tumpuan kepada anak-anak mereka supaya dapat memenuhi~~ menjalankan tanggungjawab mereka dengan memberi tumpuan kepada anak-anak supaya mereka mendapatkan kasih sayang yang secukupnya.

Konklusinya, penyalahgunaan dadah dalam kalangan murid merupakan isu yang patut diambil serius oleh semua orang. ~~Pihak sekolah harus~~ Kementerian Pendidikan Malaysia harus bertindak ~~melalui~~ melalui pihak sekolah untuk memperkasakan Program Anti Dadah demi ~~mem membuka fikiran murid-murid~~ menyedarkan murid-murid akan ~~bahayat~~ bahayanya dadah. Ibu bapa juga patut menjadi suri teladan kepada anak-anak kerana bagaimana acuan begitulah kuihnya. Izharlah, masalah ini dapat dihapuskan ~~sekiranc~~ sekiranya semua pihak bekerjasama ke arah objektif yang sama kerana sepakat membawa berkat.

(420 patah perkataan)

Pada bahagian **pengenalan**, calon dapat memahami tugasan menghuraikan faktor-faktor berlakunya masalah penyalahgunaan dadah seperti yang terdapat dalam petikan, iaitu pengaruh rakan sebaya, keinginan untuk mencuba dan kurang pengawasan daripada ibu bapa.

Pada bahagian **huraian idea**, calon masih menjawab tugasan mengikut kehendak soalan. Idea yang dikemukakan masih relevan, huraian juga masih jelas dan contoh masih sesuai. Contohnya, "*keinginan untuk membuktikan bahawa mereka merupakan seseorang yang berani mengatasi keupayaan mereka untuk berfikir secara rasional*".

Calon menggunakan pelbagai ayat yang masih gramatis tetapi terdapat kesalahan minimum. Selain itu, penggunaan kosa kata calon juga umum. Terdapat kesalahan bahasa seperti, "*dengan ini kita tahu bahawa mereka akan lebih cenderung untuk mengikut nafsu kerana golongan ini masih sukar untuk membezakan antara yang buruk dan yang baik serta batil* (sehubungan dengan itu kita tahu bahawa mereka akan lebih cenderung untuk mengikut nafsu kerana golongan ini masih sukar untuk membezakan antara yang buruk dan yang baik serta batil)." Pengolahan calon juga masih menarik dan pemerenggganan masih sesuai.

Pada bahagian **penutup**, calon masih berupaya menulis kesimpulan dengan memberikan penekanan tentang faktor berlakunya masalah penyalahgunaan dadah.

**Soalan 4**

4

> Kemasukan warga asing yang berleluasa dan tidak terkawal akan menyebabkan berlakunya lambakan warga asing dalam negara. Masalah ini dikatakan boleh mendatangkan pelbagai kesan negatif seperti peningkatan kadar jenayah, peningkatan kadar pengangguran dalam kalangan warga tempatan dan penularan penyakit berjangkit.
>
> Sumber: www.academia.edu

Huraikan kesan-kesan tersebut.

Calon dikehendaki **menghuraikan kesan-kesan negatif lambakan warga asing** seperti yang terdapat dalam petikan, iaitu peningkatan kadar jenayah, peningkatan kadar pengangguran dalam kalangan warga tempatan dan penularan penyakit berjangkit.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

Kemasukan warga asing ke dalam negara kita mencatatkan peningkatan saban tahun bak peribahasa cendawan tumbuh selepas hujan. Perkara ini membimbangkan semua pihak terutamanya penduduk setempat. Hal ini dikatakan demikian kerana lambakan warga asing dalam negara akan mendatangkan pelbagai kesan negatif. ~~Walaubagaimana.~~ Walau bagaimanapun, pihak kerajaan telah meneliti perkara ini sehingga ke akar umbi supaya dapat melakukan usaha-usaha yang pragmatik untuk mengatasi ~~tang~~ masalah ini daripada terus berkembang sehingga mengganggu imej negara. Persoalannya, apakah kesan-kesan kemasukan warga asing yang berleluasa dan tidak terkawal ?

Kesan-kesan kemasukan warga asing yang berleluasa dan tidak terkawal ~~yang berleluasa~~ ialah dapat menyebabkan peningkatan kadar jenayah. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat warga asing yang tidak mendapat pekerjaan atau mempunyai sumber pendapatan yang rendah. ~~Hal~~ Oleh itu, mereka akan mencari alternatif lain untuk mendapatkan wang. Contohnya, mencuri atau merompak. Mereka terdesak untuk ~~untut~~ melakukan perbuatan kotor ini semata-mata untuk menyara diri dan ~~memb~~ kelangsungan hidup. Kesannya, dapat menjejaskan keamanan negara kerana ramainya penjenayah dalam kalangan warga asing. Hal ini secara tidak langsung dapat menjejaskan pendapatan negara kerana pelancong ~~kurang~~ kurang melancong ke negara kita. Sudah terang lagi bersuluh bahawa kemasukan warga asing akan meningkatkan kadar jenayah.

536914

Jika dilihat daripada perspektif yang berbeza, kemasukan warga asing yang berleluasa dan tidak terkawal akan meningkatkan kadar pengangguran dalam kalangan warga tempatan. Hal ini dikatakan demikian kerana peluang pekerjaan telah dipelopori oleh warga asing. ~~Pemilik rest~~ Contohnya, pemilik restoran atau orang atasan akan sentiasa mengambil warga asing sebagai pekerja berbanding warga tempatan. ~~Hal ini berkait dengan hanya sedikit bayaran~~ Hal ini dikatakan demikian kerana warga asing cenderung untuk menerima upah yang lebih rendah berbanding penduduk tempatan. Mereka tidak perlu membayar KWSP atau kos lain apabila pekerja mereka ialah warga asing. Oleh itu, kemasukan wargo asing ibarat bulan jatuh ke ribo kepada pemilik perusahaan atau bos. Kesannya, dapat meningkatkan kes kemiskinan dalam masyarakat. Jelaslah bahawa kadar pengangguran ~~akan~~ yang meningkat dalam kalangan warga tempatan ialah kesan kemasukan warga asing.

Akhir sekali, penularan penyakit berjangkit oleh warga asing. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka tidak menjalani pemeriksaan kesihatan secara rasmi apabila masuk secara tetap ke negara lain. Mereka berpotensi untuk menjadi pembawa penyakit berjangkit yang akan menular kepada masyarakat tempatan. Sebagai contoh, ~~virus~~ ~~virus Covid~~ virus Corona yang berasal daripada Wuhan, China. Pandemik ~~Co~~ Covid-19 dapat dijadikan iktibar kepada masyarakat kerana salah satu punca masalah ini ialah kemasukan warga asing secara haram. Kesannya, lebih ramai warga tempatan yang jatuh sakit sehingga meningkatkan kes kematian. ~~Ini~~ ~~Sen~~ Senario ini persis dengan peribahasa sudah jatuh ditimpa tangga. Jelaslah bahawa kesan kemasukan warga asing ialah dapat meningkatkan penularan penyakit berjangkit.

Konklusinya, kemasukan warga asing yang berleluasa dan tidak terkawal memberikan impak yang negatif terutamanya kepada rakyat. Sebelum kudis menjadi tokak, semua pihak sewajarnya menggembleng tenaga untuk mencantas masalah ini daripada terus berleluasa. ~~Jika tidak, matlamat~~ ~~Matlamat pihak kerajaan~~ Matlamat untuk menjadi negara yang duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan negara-negara maju lain ~~akan~~ hanya angan-angan Mat Jenin apabila masalah serius ini masih dipandang enteng. Oleh itu, pihak kerajaan memainkan peranan utama untuk melakukan anjakan paradigma supaya ~~dapat~~ rakyat tidak terus-menerus terkena tempias kesan daripada masalah ini.

417
(~~405~~ patah perkataan)

Pada bahagian **pengenalan**,calon dapat memahami tugasan tentang kesan-kesan negatif lambakan warga asing seperti yang terdapat dalam petikan, iaitu peningkatan kadar jenayah, peningkatan kadar pengangguran dalam kalangan warga tempatan dan penularan penyakit berjangkit.

Pada bahagian **huraian idea**, calon berjaya menghuraikan kesan-kesan negatif lambakan warga asing. Contohnya, *“Hal ini demikian kerana warga asing tersebut tidak mempunyai sumber pendapatan yang tetap tekal dan terpaksa melakukan kegiatan-kegiatan jenayah untuk memastikan kelangsungan kehidupan mereka.”*

Calon menggunakan pelbagai jenis ayat yang gramatis seperti, *“Walau bagaimanapun pihak kerajaan telah meneliti perkara ini sehingga ke akar umbi supaya dapat melakukan usaha-usaha yang pragmatik untuk mengatasi masalah ini daripada terus berkembang sehingga menganggu imej negara.”* Kosa kata yang digunakan juga luas dan tepat. Gaya bahasa yang digunakan menarik daripada aspek keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan menarik yang tepat, contohnya, “*sudah terang lagi bersuluh bahawa peningkatan warga asing akan meningkatkan kadar jenayah.”* Penggunaan unsur bahasa bervariasi manakala laras bahasa sesuai dengan tugasan. Penggunaan tanda baca juga tepat. Calon menggunakan serangkap pantun dalam karangan.

Pengolahan calon juga sangat menarik dan berkesan. Calon menggunakan pemerengganan yang seimbang dan lengkap dengan perenggan pengenalan, perenggan idea serta perenggan penutup.

Pada bahagian **penutup**, calon berupaya menulis kesimpulan yang mantap bagi menangani kesan-kesan negatif kemasukan warga asing demi kesejahteraan masyarakat dan negara.

## Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

Kekurangan protokol atau undang-undang yang dikuatkuasakan untuk menghalang kemasukan warga asing di Malaysia telah menjadi antara akibat berlakunya lambakan warga asing dalam negara kita. Menurut kajian, kebanyakan warga asing di Malaysia merupakan pelari dari negara-negara Asia seperti Myanmar, Bangladesh, Pakistan dan juga Indonesia. Setelah menjejak ke negara kita secara haram, warga asing tersebut akan terus menetap dan ~~mengembangkan keluarga~~ menjalani urusan harian tanpa melaksanakan tugas sebagai rakyat. ~~Seperti~~ Sebagai contoh, mereka tidak membayar cukai yang merupakan antara sumber pendapatan utama bagi negara. Persis peribahasa, kerana nila setitik rosak susu belanga, hal ini mendatangkan pelbagai kesan negatif kepada kesejahteraan di negara kita

Sudah tentu kadar jenayah seperti kes peras ugut, rompakan, cilik poket, dan aktiviti samseng di negara kita akan terus melambung tinggi. Perkara ini rentetan tiada sifat patriotik atau perasaan cinta akan negara dalam diri warga asing tersebut kerana mereka bukan merupakan penduduk asal di negara ini. Mereka mempunyai mentaliti bahawa ~~kelakuan~~ hukuman terhadap kelakuan jenayah tidak akan membawa sebarang kesan negatif kepada diri mereka. Mereka juga tidak prihatin akan masyarakat dan penduduk lain di negara ini malah hanya mementingkan diri mereka sendiri seperti bijak dahulu ada berkata bagai enau dalam belukar melepaskan pucuk ~~m~~ masing-masing. Kesannya, ~~penduduk~~ rakyat asal di negara kita akan ~~menampung~~ menjadi mangsa ~~penampung gejala warga a~~ yang perlu menampung akibat kegiatan jenayah tersebut. Jelaslah bahawa, kes jenayah di negara kita akan berleluasa dengan kedatangan warga asing secara melampau.

Bertunjangkan isu yang sama, kadar pengangguran dalam kalangan warga tempatan juga akan meningkat. Skop pekerjaan dalam sektor seperti perhotelan, perkhidmatan dan pertanian akan semakin kecil akibat bilangan warga asing yang tinggi yang telah mengambil kebanyakan peluang pekerjaan yang wujud di negara kita. ~~Kekurangan peluang pekerjaan ini menyebabkan warga tempatan sukar mendapatkan tawaran pekerjaan untuk menyara kos kehidupan mereka. Hal ini mengakibatkan warga tempatan yang mempunyai~~ ~~Selain itu,~~ Kebanyakan majikan lebih cenderung untuk memilih warga asing sebagai pekerja kerana tidak memerlukan kos yang tinggi bagi ~~negara~~ meraihkan pulangan yang lebih tinggi daripada mengambil individu tempatan yang mempunyai kelayakan. Kekurangan peluang pekerjaan ini menyebabkan warga tempatan sukar mendapatkan tawaran pekerjaan untuk menyara kos kehidupan mereka. ~~Kesannya~~ Tegasnya, kedatangan warga asing mengakibatkan ~~warga tempatan~~ taraf hidup warga tempatan untuk menurun.

Di samping itu, penularan penyakit berjangkit seperti H1N1, Influenza A dan Influenza B serta COVID-19 akan terus meningkat di negara kita. Kebanyakan ~~warg~~ pelari asing tidak mempunyai kemudahan ~~atau tawaran~~ hospital untuk mendapatkan vaksin terhadap penyakit-penyakit tersebut di negara mereka. Mereka juga lebih mudah mendapatkan penyakit-penyakit ini kerana persekitaran mereka di negara asal yang tidak mencapai hak asasi kehidupan mereka ~~seperti tiada~~ sebagai contoh tiada sumber air yang bersih untuk digunakan dalam kehidupan seharian. ~~Hal ini men~~ Apabila mereka melarikan diri ke negara kita, mereka juga membawa pelbagai ~~jen~~ varian penyakit berjangkit bersama mereka. ~~Hal ini akan menyebabkan warga tempatan untuk turut~~ bagai kerbau ~~banyak~~ membawa lumpur. Hal ini menyebabkan warga tempatan turut dijangkiti penyakit tersebut. Jelaslah bahawa, kesihatan warga tempatan akan diancam apabila warga asing membawa penyakit ke negara.

Kesimpulannya, terdapat pelbagai kesan negatif kepada kesejahteraan
negara kita apabila warga asing memasuki negara kita secara ~~lambakan~~ ~~semua~~
~~pihak berkuasa di negara ini perlulah~~ tidak terkawal. Dengan ini, ~~Warga tempatan~~ warga
tempatan akan mengalami kesukaran untuk menjalankan urusan kehidupan mereka. Oleh
itu, semua pihak berkenaan di negara ini perlu bergerak seia sekata seiring
~~mereka~~ sendiri seperti bijak pandai dahulu berkata serumpun bagai serai, seliang bagai
tebu untuk melakukan ~~angkatan~~ usaha yang proaktif bagi membanteras isu
ini daripada terus menjadi barah yang sukar diubati. Harapan saya
~~setinggi~~ serendah gunung tinggi bahawa isu ini dapat diatasi dengan
telitis agar kemakmuran di negara dapat dikekalkan.

Pada bahagian **pengenalan**, calon kumpulan sederhana dapat memahami kesan-kesan negatif lambakan warga asing seperti yang terdapat dalam petikan, iaitu peningkatan kadar jenayah, peningkatan kadar pengangguran dalam kalangan warga tempatan dan penularan penyakit berjangkit.

Pada bahagian **huraian idea**, calon masih dapat menghuraikan kesan-kesan negatif lambakan warga asing. Idea yang dikemukakan masih relevan, huraian juga masih jelas dan contoh masih sesuai. Contohnya, "*Perkara ini rentetan tiada sifat patriotik atau perasaan cinta akan negara dalam diri warga asing tersebut kerana mereka bukan merupakan penduduk asal di negara ini.*"

Calon menggunakan pelbagai ayat yang masih gramatis tetapi terdapat kesalahan minimum. Selain itu, penggunaan kosa kata calon juga umum. Terdapat kesalahan bahasa yang minimum seperti, "*menjejak ke negara kita secara haram (menjejakkan kaki ke negara kita.*" Pengolahan calon juga masih menarik dan pemerengganan masih sesuai.

Pada bahagian **penutup**, calon masih berupaya menulis kesimpulan dengan menegaskan bahawa kesan-kesan negatif lambakan warga asing di negara kita menimbulkan masalah kepada warga tempatan akan mengalami kesukaran untuk menjalankan urusan seharian kehidupan mereka.

## 2.6 CADANGAN/SYOR BAHAGIAN B

### 2.6.1 Calon

a) Menguasai kemahiran dan tema dalam DSKP.
b) Menjadikan buku teks Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 sebagai rujukan utama.
c) Membaca bahan bacaan seperti majalah, akhbar, jurnal dan karya sastera untuk menambahkan pengetahuan, mematangkan fikiran, mengikuti perkembangan semasa serta memantapkan penguasaan bahasa.
d) Menguasai kemahiran membaca. Calon perlu meneliti dan memahami semua kata tugas sebelum memilih soalan yang hendak dijawab.
e) Membuat latihan penulisan karangan.
f) Menyediakan rangka jawapan sebelum menjawab soalan.

### 2.6.2 Guru

a) Menguasai kemahiran dan tema dalam DSKP.
b) Menjadikan buku teks Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 sebagai rujukan utama.
c) Merancang PdP yang berkesan.
d) Memantapkan asas penulisan karangan kepada murid pada peringkat menengah rendah agar mereka dapat menghasilkan karangan yang berkualiti.
e) Membincangkan pelbagai isu semasa dengan murid semasa PdP untuk menghasilkan karangan yang matang.
f) Merujuk kepada Kupasan Mutu Jawapan SPM untuk membimbing murid.

# PENGHARGAAN

**PENGERUSI:**
**DR. HABIBAH BINTI MAT REJAB**

**URUS SETIA:**
**PUAN ROSLIZA BINTI ROSLI**
**PUAN LAILY FAZLIN BINTI DATO' SRI KHAIRIL**
**PUAN AIMI MAHFUZAH BINTI MOHD. KAMALLUDEEN**

**EDITOR:**
**PUAN NORAZAH BINTI BIDI**
**PUAN NORHATINI BINTI SHAARI**
**PUAN FAIZAH BINTI SAMAD**
**ENCIK MAHADI BIN MAHMOD**
**PUAN ANGELIN CHIAH YONG LE**
**PUAN TAN SHAN XI**
**CIK NURUL ATIQAH OMAR**
**PUAN IYLIA NATASYA BINTI ANUAR**
**CIK SITI FADZILAH BINTI ABU BAKAR**

**PANEL PENULIS:**
**KP & KPB BAHASA MELAYU SPM KERTAS 1**
**KP & KPB BAHASA MELAYU SPM KERTAS 2**
**KP & KPB BAHASA INGGERIS SPM KERTAS 2**
**KP & KPB SAINS SPM KERTAS 2**
**KP & KPB SEJARAH SPM KERTAS 2**
**KP & KPB MATEMATIK SPM KERTAS 2**
**KP & KPB MATEMATIK TAMBAHAN SPM KERTAS 1**
**KP & KPB MATEMATIK TAMBAHAN SPM KERTAS 2**
**KP & KPB KIMIA SPM KERTAS 2**
**KP & KPB BAHASA CINA SPM KERTAS 1**
**KP & KPB BAHASA CINA SPM KERTAS 2**